

07 FEB 1999

MCA-Pemilihan

MCA TELITI SENARAI ANGGOTA BAGI PEMILIHAN PARTI

IPOH, 7 Feb (Bernama) -- Jawatankuasa Pemandu Pemilihan MCA sedang meneliti senarai keanggotaan bagi memastikan hanya mereka yang layak dibenarkan mengundi dalam pemilihan parti akan datang, kata setiausaha agung parti Datuk Dr Ting Chew Peh hari ini.

Ting yang juga pengerusi jawatankuasa itu berkata pemilihan peringkat cawangan akan diadakan dari 18 April diikuti pemilihan peringkat bahagian pada 16 Mei manakala pemilihan bagi Pemuda dan Wanita dijadualkan pada 13 Jun.

Pemilihan bagi Jawatankuasa Pusat MCA akan daidakan pada 17 Julai, katanya.

Senarai akhir anggota yang layak mengundi pada pemilihan akan datang akan diedarkan kepada semua cawangan dan bahagian MCA menjelang 14 Mac dan mereka juga akan diberi taklimat mengenai perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan pada pemilihan itu.

Ting berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan Projek Langkawi anjuran parti itu yang berupa beg sekolah, kasut sekolah dan bekas pensil kepada kanak-kanak miskin di Simpang Pulai dekat sini.

Sejak November tahun lepas, 500 kanak-kanak miskin daripada 19 sekolah rendah di kawasan Parlimen Gopeng yang diwakilinya menerima sumbangan daripada program itu.

Jawatankuasa pemandu itu dianggotai sembilan orang termasuk empat naib presiden parti terdiri Datuk Chua Jui Meng, Datuk Dr Fong Chan Onn, Datuk Ong Ka Ting dan Datuk Yap Pian Hon, Ketua Pemuda Datuk Chan Kong Choy, Ketua Wanita MCA Datuk Teng Gaik Kwan, setiausaha penganjur kebangsaan parti itu Datuk Ong Ka Chuan dan timbalan setiausaha agung Datuk Dr Sak Cheng Lum.

"Berdasarkan pengalaman kami, hanya 70 hingga 80 peratus daripada 838,000 anggota parti layak untuk mengundi kerana mereka telah menjelaskan yuran keanggotaan," katanya.

Perhimpunan Agung MCA selama dua hari itu akan bermula pada 17 Julai dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan dijemput untuk merasmikan perhimpunan itu yang akan diadakan di Wisma MCA di Kuala Lumpur.

Konvensyen peringkat negeri akan bermula pada 30 Mei di Sabah dan berakhir pada 4 Julai di Melaka dan majlis itu akan dirasmikan di setiap negeri oleh Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Mengenai Projek Langkawi MCA, Ting berkata parti telah membelanjakan RM760,000 bagi beg sekolah, kasut sekolah dan bekas pensil untuk 20,000 pelajar miskin di 114 kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri termasuk di Sabah.

Setiap kawasan Parlimen diberikan peruntukan RM10,000 manakala Dewan Undangan Negeri, masing-masing RM5,000 di bawah program itu, katanya.

-- BERNAMA.

HK RHM MAI